



TITAH DIRAJA

**KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA
SERI PADUKA BAGINDA YANG
DI-PERTUAN AGONG**

SEMPENA

ISTIADAT HARI KEPUTERAAN RASMI

PADA

**9 SEPTEMBER 2019 [ISNIN]
BERSAMAAN 9 MUHARRAM 1441 HIJRAH**

BERTEMPAT DI

**ISTANA NEGARA,
KUALA LUMPUR**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

الحمد لله رب العالمين والصلاة والسلام
على اشرف الانبياء والمرسلين
وعلى اله وصحبه اجمعين
رب اشرح لي صدري ويسر لي امري
والحلل عقدة من لساني يفقهوا قولي

SEGALA PUJI KE-HADRAT ALLAH SUBHANAHU WATA'ALA. SELAWAT DAN SALAM KE ATAS JUNJUNGAN BESAR NABI MUHAMMAD SALALLAHU 'ALAIHI WASSALAM SERTA KEPADA KELUARGA DAN PARA SAHABAT BAGINDA.

ALHAMDULILLAH, BETA BERSYUKUR KE HADRAT ALLAH SUBHANAHU WATA'ALA ATAS LIMPAH RAHMAT DAN KEIZINAN-NYA BETA DAN RAJA PERMAISURI AGONG DAPAT BERANGKAT KE ISTIADAT MENGHADAP DAN PENGURNIAAN DARJAH KEBESARAN BERSEMPENA DENGAN SAMBUTAN HARI ULANGTAHUN KEPUTERAAN RASMI SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG PADA PAGI YANG PENUH BERMAKNA INI.

PERTAMA-TAMA NYA, BETA INGIN MERAKAMKAN UCAPAN TERIMA KASIH DI ATAS PERUTUSAN SEMBAH UCAPAN TAHNIAH DAN SELAMAT KEPADA BETA OLEH MEMANDA PERDANA MENTERI YANG AMAT BERHORMAT TUN DOKTOR MAHATHIR BIN MOHAMAD.

BETA JUGA INGIN MERAKAMKAN PENGHARGAAN KEPADA TUAN YANG TERUTAMA QALEY ALLAHVERDIYEV, MEWAKILI DUTA-DUTA DAN PESURUHJAYA TINGGI ASING DI MALAYSIA DI ATAS UCAPAN TAHNIAH DAN SELAMAT YANG TELAH DIPERSEMBAHKAN KEPADA BETA.

HADIRIN DAN HADIRAT YANG DIRAHMATI ALLAH SEKALIAN.

NEGARA BARU SAHAJA MENYAMBUT HARI KEBANGSAAN YANG KE-62. KEJAYAAN MALAYSIA MEMBENTUK SEBUAH NEGARA DEMOKRASI YANG TERDIRI DARIPADA PELBAGAI KAUM, AGAMA DAN BANGSA ADALAH AMAT MENKAGUMKAN.

INI MEMBUKTIKAN BAHAWA SELAMA 62 TAHUN RAKYAT MALAYSIA INGINKAN SEBUAH NEGARA YANG AMAN MAKMUR DAN BERSATU-PADU.

OLEH YANG DEMIKIAN BETA INGIN MENINGATKAN KEPADA SELURUH RAKYAT MALAYSIA BAHAWA ISU-ISU YANG SENSITIF TIDAK BOLEH DIPERALATKAN BAGI KEPENTINGAN MANA-MANA PIHAK.

SETIAP RAKYAT DIJANJIKAN HAK SERTA KEBEBASAN BERLANDASKAN PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN. NAMUN KEBEBASAN TERSEBUT MESTILAH TIDAK MELANGKAUI NILAI-NILAI YANG MENJADI ASAS PERPADUAN NEGARA.

BEGITU JUGA DALAM AGENDA POLITIK MESTI ADA NOKTAH DAN BATASAN YANG TIDAK HARUS KITA LANGGAR. JIKA POLEMIC POLITIK DIBIARKAN BERLARUTAN LAMBAT-LAUN RAKYAT JUGA YANG AKAN MENDAPAT PADAHNYA.

PERCAYA-LAH; PERPADUAN DAN KEAMANAN YANG TELAH TERBINA SELAMA 62 TAHUN INI JIKA HILANG AKAN SUKAR UNTUK DIKEMBALIKAN. NASIHAT BETA; "BUANG-LAH YANG KERUH DAN AMBIL-LAH YANG JERNIH. " MANA-MANA YANG TERCALAR RAWATI-LAH SEGERA AGAR "YANG RETAK AKAN KEMBALI BERTAUT."

HADIRIN DAN HADIRAT YANG BETA KASIH SEKALIAN.

BETA MENYAMBUT BAIK USAHA-USAHA KERAJAAN BETA DALAM MENGHADAPI SUASANA EKONOMI DAN GEO-POLITIK YANG SEMAKIN MENCABAR. BETA MENGALU-ALUKAN PELBAGAI LANGKAH YANG DIAMBIL OLEH KERAJAAN BETA UNTUK MENGUKUHKAN EKONOMI DAN KEWANGAN NEGARA DISAMPING MENANGANI KOS SARA HIDUP DAN MEMBASMI KEMISKINAN.

DALAM HAL INI KERAJAAN BETA PERLU SENTIASA BERUSAHA UNTUK MENAMBAHBAIK PERKHIDMATAN YANG DISEDIAKAN KEPADA RAKYAT.

BETA BERHARAP GOLONGAN YANG MEMERLUKAN SEPERTI RAKYAT YANG MISKIN KURANG UPAYA DAN KUMPULAN B-40 HENDAKLAH DIBERIKAN PERHATIAN DAN BANTUAN AGAR MEREKA TIDAK TERCICIR DARIPADA ARUS PEMBANGUNAN.

SELAIN ITU PEMBENTUKAN NILAI-NILAI MULIA DALAM AMALAN KEHIDUPAN MASYARAKAT HARI INI ADALAH MENJADI TANGGUNG-JAWAB KERAJAAN BETA DAN SELURUH RAKYAT MALAYSIA.

DALAM USAHA KITA MEMBENTUK SEBUAH MASYARAKAT YANG BERINTEGRITI GENERASI MUDA JUGA PERLU DIPERSIAPKAN DENGAN ILMU PENGETAHUAN DAN NILAI JATI DIRI YANG TINGGI.

JUSTERU, BETA MENYARANKAN AGAR PROGRAM-PROGRAM YANG BOLEH MENYEMAI NILAI-NILAI MULIA JATI DIRI DAN SEMANGAT PATRIOTISME HENDAKLAH DIANJURKAN DI SETIAP PELUSUK NEGARA.

MELALUI PENDEKATAN INI BETA BERKEYAKINAN KITA AKAN DAPAT MEMBENTUK SEBUAH MASYARAKAT YANG BER-INTEGRITI DAN AKAN TURUT BERUPAYA MEMBENTUK SEBUAH NEGARA YANG MEMPUNYAI NILAI-NILAI JATI DIRI DAN PATRIOTISME YANG TINGGI.

HADIRIN DAN HADIRAT YANG DIRAHMATI ALLAH SEKALIAN.

IZIN-KAN BETA PADA KESEMPATAN INI UNTUK MENZAHIRKAN SEMBAH JUNJUNGAN KASIH KEPADA YANG MAHA MULIA RAJA-RAJA MELAYU DI ATAS KEPERCAYAAN DAN SOKONGAN YANG DIBERIKAN KEPADA BETA SEBAGAI YANG DI-PERTUAN AGONG KE-16.

BETA TURUT INGIN MERAKAMKAN TERIMA KASIH KEPADA YANG AMAT BERHORMAT MEMANDA PERDANA MENTERI, KERAJAAN BETA, ANGGOTA PENTADBIRAN, PENJAWAT AWAM DAN ANGGOTA PASUKAN KESELAMATAN YANG SENTIASA TAAT SETIA DALAM MELAKSANAKAN TUGAS.

BETA JUGA TURUT INGIN MENGUCAPKAN TERIMA KASIH KEPADA PARA PEGAWAI DAN KAKITANGAN ISTANA NEGARA YANG TELAH BANYAK MEMBANTU BETA DALAM MENGGALAS AMANAH INI.

MENGAKHIRI TITAH; BETA DAN RAJA PERMAISURI AGONG INGIN MENGUCAPKAN TERIMA KASIH KEPADA SELURUH RAKYAT MALAYSIA DI ATAS UCAPAN-UCAPAN TAHNIAH DAN DOA YANG TELAH DIBERIKAN SEMPENA HARI KEPUTERAAN RASMI YANG DI-PERTUAN AGONG.

BETA BERDOA SEMOGA ALLAH SUBHANAHU WATA'ALA AKAN TERUS MELIMPAHI MALAYSIA YANG TERCINTA INI DENGAN KEBERKATAN REZEKI SERTA KEAMANAN DAN PERPADUAN YANG BERKEKALAN.

SEKIAN.

وبالله التوفيق والهداية والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته